



## **JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

### **KENYATAAN MEDIA (27 MEI 2021)**

#### **1. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA**

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sarawak ingin memaklumkan bahawa kes yang dilaporkan hari ini mencatatkan jumlah kes harian kedua tertinggi sejak penularan pandemik iaitu sebanyak **772 kes baru COVID-19** di seluruh Sarawak. Ini menjadikan kumulatif kes positif COVID-19 di Sarawak berjumlah 44,738 kes.

##### **I. Peningkatan Kes Positif Harian**

Hari ini juga, kita telah merekodkan jumlah kes kematian disebabkan jangkitan COVID-19 yang **paling tinggi, iaitu 9 kes**. Jumlah kematian telah meningkat dari purata 1 kematian sehari pada bulan Mac (jumlah 29 kematian), kepada purata 2 kematian sehari pada bulan April (69 kematian). Manakala, bagi bulan Mei (setakat 27 Mei 2021), sebanyak 91 kes kematian telah dilaporkan (purata 3 kematian sehari).

Peningkatan kes harian COVID-19 yang ketara ini telah dikesan selepas sambutan **Hari Raya Aidilfitri yang melibatkan ziarah Hari Raya** - di mana sejak dari 9 Mei 2021 sehingga 15 Mei 2021, sejumlah **3,272 kes telah dilaporkan (purata 467 kes sehari)**.

Kejadian kes COVID-19 di Sarawak terus menunjukkan peningkatan dari purata **467 kes sehari** ke **520 kes sehari** pada minggu seterusnya dan setakat 27 Mei 2021, sejumlah 3,118 kes dengan purata **623 kes sehari** telah dilaporkan.

## **II. Kekangan Barisan Hadapan Dan Fasiliti Kesihatan**

Trend kes positif harian yang masih tinggi ini memberikan cabaran dan kekangan kepada fasiliti kesihatan dan pasukan barisan hadapan di Sarawak.

Kapasiti katil ICU di Sarawak sekarang berada di **paras kritikal di mana** sebanyak 81 kes COVID-19 masih dalam keadaan kritikal di wad ICU termasuk 31 kes yang memerlukan alat bantuan pernafasan.

Sebanyak 714 rumah panjang telah diletakkan di bawah Lockdown / PKPD dalam tahun ini, di mana 98 rumah panjang masih di bawah PKPD. Semua aktiviti-aktiviti penguatkuasaan ini memerlukan menggunakan sumber tenaga barisan hadapan yang ramai bagi mengawal lokasi PKPD.

## **A. Pengistiharaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)**

Sarawak telah mula melaksanakan **Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)** dengan SOP yang telah **diperketatkan lagi sejak 12 Mei 2021**.

Namun, kes masih meningkat dan sebahagian besar kluster yang tercetus timbul berikutan pematuhan SOP yang lemah, terutamanya semasa Hari Raya Aidilfitri baru baru ini.

Mengambil kira situasi COVID-19 di Sarawak yang semakin meruncing, situasi fasiliti kesihatan yang kritikal, dan tambahan lagi dengan varian baru (VOC) yang telah dikesan di Sarawak baru-baru ini, kita perlu mengambil tindakan yang lebih drastik untuk mengawal jangkitan COVID-19 sekarang, sebelum kita berada di situasi yang lebih parah lagi.

Dengan ini, JPBN Sarawak telah memutuskan untuk **mengistiharkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)** di seluruh Sarawak bagi **tempoh 29 Mei 2021 hingga 11 Jun 2021**.

Garis Panduan (SOP) yang lebih ketat di bawah PKP dan kawalan pergerakan dalam tempoh beberapa minggu amat penting bagi membantu mengurangkan risiko penularan wabak COVID-19 di Sarawak.

## **I. Nasihat Kepada Orang Ramai**

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBN) ingin menasihatkan kepada orang ramai, terutamanya mereka yang akan menyambut Hari Gawai agar mematuhi SOP yang telah dikeluarkan.

Sambutlah Gawai dengan ahli keluarga yang tinggal serumah sahaja atau di "*bilik*" (Rumah Panjang) masing-masing atau menggunakan teknologi berhubung secara maya.

Jangan balik *rumah panjang* atau *kampung*, duduk di rumah sahaja, jangan melakukan sebarang aktiviti ziarah atau '*ngabang*', jangan berkumpul di suatu tempat atau ruai, usah menganjurkan aktiviti sabung ayam, dan sentiasa mematuhi garis panduan (SOP) yang ditetapkan.

Semua ini adalah kerana kita menyayangi dan ingin melindungi keluarga, jiran dan rakan kita. "***Budaya, Tradisi, Adat dan Identiti kita tidak akan hilang tanpa meraikan perayaan tahun ini.***"

Saya menyeru agar orang ramai memahami dan menyokong tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Sarawak.

Pengorbanan yang dibuat sempena sambutan perayaan kali ini adalah untuk melindungi diri anda dan orang yang tersayang.

Bersimpatilah juga dengan semua petugas barisan hadapan terutamanya kakitangan perubatan, yang terpaksa menanggung bebanan besar yang dibawa virus ini tanpa mengira cuti atau perayaan.

Kami berharap dengan kerjasama daripada semua rakyat, kita boleh membendung jangkitan ini dalam tempoh PKP ini.

## **II. Daftar Program Imunisasi Covid-19**

JPBN juga menyeru kepada orang ramai yang belum berdaftar untuk Program Imunisasi COVID-19 agar **bertindak segera** dengan membuat pendaftaran melalui aplikasi MySejahtera, laman web JKJAV atau menghubungi Pejabat Daerah berdekatan.

Kami amat memerlukan kerjasama daripada semua warga di Sarawak agar **kadar imuniti kelompok yang mencukupi** boleh dicapai bagi membendung jangkitan COVID-19 di Sarawak.

Saya berharap orang ramai terus bersabar dan memberi kerjasama kepada pihak penguatkuasa dan terus bertanggungjawab terhadap kesihatan diri untuk mencegah penyakit ini daripada terus merebak.

Walaupun kurang meriah perayaan tahun ini. Yang penting kita **SELAMAT dan MASIH HIDUP!**

Mudah-mudahan kita akan dapat melandaikan lekuk jangkitan COVID-19 dengan segera.

**B. Pengisytiharan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Bagi:**

- i. PKPD Rh. Sube, Sungai Lemaus, Niah, Subis (24 Mei hingga 06 Jun 2021)
- ii. PKPD Rh. Joel Bijat Ai, Sri Aman (26 Mei hingga 08 Jun 2021)
- iii. PKPD Rh. Lingga, Sg Selangan, Sarikei (26 Mei hingga 11 Jun 2021)
- iv. PKPD Rh. Sebastian Ngalang, Batu 6, Jalan Oya, Sibul (28 Mei hingga 10 Jun 2021)
- v. PKPD Kampung Sindang Baru, Samarahan (28 Mei hingga 10 Jun 2021)
- vi. PKPD Kampung Tanjung Kelaso, Asajaya (28 Mei hingga 10 Jun 2021)
- vii. PKPD Rh. Jesse, Saka, Betong (28 Mei hingga 10 Jun 2021)

**C. Penamatan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Bagi:**

- i. Rh. Richard, Sg. Melaban, Sarikei (27 Mei 2021)
- ii. Kampung Jabai, Bintulu (27 Mei 2021)
- iii. Kampung Ulu Sebauh, Bintulu (27 Mei 2021)
- iv. Rh. Janang, Sungai Wong, Pakan (27 Mei 2021)
- v. Rh. Ukam, Ng Engkamop, Pakan (28 Mei 2021)

## **2. LAPORAN HARIAN**

### **A. Kes Baharu COVID-19.**

Sarawak mencatatkan **772 kes baharu** COVID-19 hari ini. Sejumlah **500 atau 64.77 peratus** daripada jumlah kes ini telah dikesan di **Daerah Kuching, Miri, Sibü, Bintulu dan Subis.**

Daerah-daerah yang merekodkan kes pada hari ini ialah Daerah Kuching (229), Miri (82), Sibü (70), Bintulu (67), Subis (52), Mukah (33), Beluru (25), Sri Aman (23), Serian (18), Kanowit (17), Betong (16), Kabong (15), Pakan (15), Selangau (14), Asajaya (13), Tatau (12), Bukit Mabong (11), Kapit (9), Tanjung Manis (8), Bau (8), Samarahan (7), Belaga (6), Dalat (4), Sarikei (4), Daro (3), Lawas (2), Lundu (2), Saratok (2), Meradong (2), Sebauh (1), Song (1) dan Matu (1). Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes **meningkat kepada 44,738.**

Daripada 772 kes baharu yang dilaporkan, seramai 55 orang telah menunjukkan tanda dan mengalami gejala jangkitan COVID-19 semasa saringan dijalankan.

Manakala, seramai 595 orang adalah terdiri daripada individu yang telah diberi arahan perintah kuarantin. Secara ringkas kes-kes ini terdiri daripada:

- **558 kes** merupakan saringan individu yang mempunyai kontak kepada kes positif COVID-19 (6 kes bersejaja);
- **130 kes** merupakan lain-lain saringan di fasiliti kesihatan (2 kes bersejaja);
- **47 kes** merupakan saringan individu bersejaja di fasiliti kesihatan;
- **36 kes** merupakan saringan individu dalam kluster aktif sedia ada (kes tidak bersejaja);
- **1 kes** melibatkan individu yang datang atau balik dari negeri-negeri lain di dalam Malaysia yang dikategorikan sebagai kes Import B (kes tidak bersejaja).

## **B. Kes Kematian Covid-19 Baharu.**

Hari ini **sembilan (9) kes** kematian baharu melibatkan jangkitan COVID-19 dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kematian akibat jangkitan COVID-19 telah meningkat kepada seramai **272 orang**.

### **I. Kes Kematian Ke-264.**

**Kes kematian ke-264 adalah kes ke-38,052** melibatkan seorang lelaki warga tempatan (Sarawak) yang berumur 45 tahun yang telah mendapatkan rawatan di Hospital Bintulu kerana mengalami sesak pernafasan.

Kes didapati mulai mengalami gejala batuk, cirit birit dan hilang selera makan sejak seminggu yang lalu. Swab bagi saringan



COVID-19 dengan rT-PCR pada 15 Mei 2021 disahkan positif. Keadaan kesihatan kes semakin merosot dan disahkan meninggal dunia pada 22 Mei 2021. Kes mempunyai ko-morbid penyakit darah tinggi dan kencing manis.

## **II. Kes Kematian Ke-265.**

**Kes kematian ke-265 adalah kes ke-42,805** melibatkan seorang lelaki warga tempatan (Sarawak) yang berumur 72 tahun yang telah didapati tidak sedar diri oleh keluarga di rumah dan disahkan telah meninggal dunia pada 23 Mei 2021 oleh pasukan perubatan. Kes didapati mulai mengalami kesukaran pernafasan sehari sebelum kejadian. Kes ini telah disiasat oleh pasukan forensik Hospital Sibu. Swab bagi ujian saringan COVID-19 dengan rT-PCR pada 23 Mei 2021 disahkan positif COVID-19. Kes mempunyai ko-morbid penyakit kencing manis dan darah tinggi.

## **III. Kes Kematian Ke-266.**

**Kes kematian ke-266 adalah kes ke-43,109** melibatkan seorang lelaki warga tempatan (Sarawak) yang berumur 32 tahun yang dijumpai pengsan oleh ahli keluarga di rumah dan dibawa ke Hospital Miri dengan segera. Pasukan perubatan telah memberikan bantuan kecemasan tetapi kes tidak menunjukkan tanda nyawa dan disahkan meninggal dunia pada 24 Mei 2021.

Kes telah mengadu mengalami kesesakan pernafasan sebelum kejadian itu berlaku. Ujian saringan COVID-19 dengan rT-PCR pada 24 Mei 2021 disahkan positif COVID-19. Kes mempunyai ko-morbid penyakit bronchial asthma.

#### **IV. Kes Kematian Ke-267.**

**Kes kematian ke-267 adalah kes ke-34,134** melibatkan seorang lelaki warga tempatan (Sarawak) yang berumur 72 tahun yang telah mendapatkan rawatan di Hospital Sibu kerana mengalami sesak pernafasan. Kes didapati mulai mengalami gejala batuk, demam, muntah dan hilang selera makan sejak dua (2) hari yang lalu. Swab bagi ujian saringan COVID-19 dengan rT-PCR pada 08 Mei 2021 disahkan positif COVID-19. Keadaan kesihatan kes semakin merosot dan disahkan meninggal dunia pada 24 Mei 2021. Kes mempunyai ko-morbid penyakit kencing manis, darah tinggi, gout dan penyakit jantung.

#### **V. Kes Kematian Ke-268.**

**Kes kematian ke-268 adalah kes ke-43,654** melibatkan seorang perempuan warga tempatan (Sarawak) yang berumur 62 tahun yang telah mendapatkan rawatan di Hospital Miri kerana mengalami sesak pernafasan. Kes didapati mulai mengalami gejala kesukaran pernafasan sejak sejak seminggu yang lalu.

Swab bagi saringan COVID-19 dengan rT-PCR pada 25 Mei 2021 disahkan positif COVID-19. Kesihatan kes semakin merosot dan disahkan meninggal dunia pada 25 Mei 2021. Kes mempunyai ko-morbid penyakit jantung.

#### **VI. Kes Kematian Ke-269.**

**Kes kematian ke-269 adalah kes ke-39,392** melibatkan seorang lelaki warga tempatan (Sarawak) yang berumur 66 tahun yang telah mendapatkan rawatan di Hospital Kapit kerana mengalami kesesakan pernafasan. Swab bagi ujian saringan COVID-19 dengan rT-PCR pada 18 Mei 2021 disahkan positif COVID-19. Kes telah dirujuk ke Hospital Sibul untuk rawatan selanjutnya. Keadaan kesihatan kes semakin merosot dan disahkan meninggal dunia pada 25 Mei 2021. Kes mempunyai ko-morbid penyakit hati dan *dyslipidemia*.

#### **VII. Kes Kematian Ke-270.**

**Kes kematian ke-270 adalah kes ke-42,774** melibatkan seorang perempuan warga tempatan (Sarawak) yang berumur 81 tahun yang telah mendapatkan rawatan di Hospital Sibul kerana mengalami kesesakan pernafasan. Kes didapati mulai mengalami kesukaran pernafasan sejak dua (2) hari yang lalu. Swab bagi ujian saringan COVID-19 dengan rT-PCR pada 22 Mei 2021 disahkan positif. Keadaan kesihatan kes kian merosot dan disahkan meninggal dunia pada 25 April 2021.

Kes mempunyai ko-morbid darah tinggi, *dyslipidemia*, penyakit buah pinggang kronik dan penyakit paru obstruktif kronik.

#### **VIII. Kes Kematian Ke-271.**

**Kes kematian ke-271 adalah kes ke-37,556** melibatkan seorang perempuan warga tempatan (Sarawak) yang berumur 91 tahun yang telah mendapatkan rawatan di Hospital Sibul kerana saringan kontak rapat dengan rapid test kit antigen COVID-19 pada 11 Mei 2021 adalah positif. Kes didapati tidak mempunyai gejala COVID-19. Swab bagi saringan COVID-19 dengan rT-PCR pada 12 Mei 2021 adalah positif. Keadaan kesihatan kes semakin merosot dan disahkan meninggal dunia pada 25 Mei 2021. Kes tidak mempunyai ko-morbid tetapi memerlukan bantuan dalam kehidupan seharian.

#### **IX. Kes Kematian Ke-272.**

**Kes kematian ke-272 adalah kes ke-38,359** melibatkan seorang perempuan warga tempatan (Sarawak) yang berumur 61 tahun yang telah dirujuk ke Hospital Sibul dari sebuah klinik kesihatan kerana kes mengalami kelesuan badan. Kes didapati mulai mengalami gejala batuk, muntah, kesesakan pernafasan dan sakit kepala sejak dua (2) hari yang lalu. Swab bagi ujian saringan rT-PCR pada 15 Mei 2021 disahkan positif COVID-19. Keadaan kesihatan kes semakin merosot dan disahkan meninggal dunia pada 27 Mei 2021. Kes mempunyai ko-morbid penyakit darah tinggi, kencing manis, dislipidemia dan obesiti.

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak mengucapkan ucapan Takziah kepada semua ahli keluarga mangsa.

### **C. Status Kes COVID-19 Di Dalam Wad Hospital Dan Masih Di PKRC.**

Hari ini terdapat **343** kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini iaitu:

- **96 kes** dari Hospital Sibul dan PKRC di bawah Hospital Sibul;
- **77 kes** dari Hospital Miri dan PKRC di bawah Hospital Miri;
- **68 kes** dari Hospital Umum Sarawak dan PKRC di bawah Hospital Umum;
- **20 kes** dari Hospital Bintulu dan PKRC di bawah Hospital Bintulu;
- **16 kes** dari Hospital Sarikei dan PKRC di bawah Hospital Sarikei;
- **15 kes** dari PKRC Betong;
- **14 kes** dari Hospital dan PKRC Sri Aman;
- **12 kes** dari Hospital Kapit dan PKRC di bawah Hospital Kapit;
- **12 dari** PKRC Mukah;
- **12 dari** PKRC Serian; dan
- **1 kes** dari PKRC Lawas.

Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih atau dibenarkan discaj setakat hari ini adalah seramai **36,795** orang atau **82.25%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes aktif yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di PKRC dan wad hospital mengikut hospital rujukan adalah seramai **7,572** orang.

Manakala, **772 PUI** baharu telah dilaporkan dan **tiada PUI** yang menunggu keputusan ujian makmal.

#### **D. Kluster Baharu [Satu (1) Kluster Baharu].**

Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak telah mengisytiharkan **satu (1)** kluster baharu di Daerah Samarahan, Sarawak. Ringkasan kluster tersebut adalah seperti berikut:

##### **I. Kluster Tanjung Bundong, Kota Samarahan**

Kluster Tanjung Bundong merupakan satu kluster komuniti yang dikesan di Kampung Tanjung Bundong Tradisi serta Kampung Tanjung Bundong Lot Fasa 1 dan 2 dalam daerah Kota Samarahan yang telah merebak melalui pergerakan sosial dalam kalangan penduduk setempat. Sejumlah 41 individu telah dibuat saringan awal di mana:

- 22 kes telah dikesan positif COVID-19 termasuk kes indeks;
- 19 kes didapati negatif.

Arahan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) telah dilaksanakan di kampung tersebut bermula pada 24 Mei 2021 hingga 06 Jun 2021 bagi mengekang perebakan jangkitan ke lokaliti lain.

Kesemua kes positif COVID-19 ini telah dirujuk ke Hospital Umum Sarawak dan telah dimasukkan ke PKRC di Daerah Kuching bagi tujuan pengasingan dan rawatan lanjut.

**E. Kluster Tamat [Tiga (3) Kluster Tamat].**

Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak telah mengisytiharkan **tiga (3)** kluster tamat setelah tiada kes baharu dikesan atau dilaporkan dalam tempoh 28 hari iaitu:

- i. **Kluster Jalan Maju, Sibul**
- ii. **Kluster Disso, Saratok**
- iii. **Kluster Air Padang, Miri**

**F. Kluster Yang Masih Aktif.**

Jumlah kluster yang masih aktif adalah sebanyak **85 kluster**. Sebanyak lapan (8) kluster telah merekodkan 36 penambahan kes baharu manakala 77 kluster tidak merekodkan penambahan kes.

**G. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.**

Hari ini, **Daerah Beluru dan Asajaya telah bertukar ke status Merah** setelah merekodkan masing-masing 52 dan 46 kes jangkitan tempatan dalam tempoh 14 hari yang lepas. Ini menjadikan jumlah daerah berstatus Merah telah meningkat kepada 27 daerah.

**Daerah Simunjan pula telah bertukar ke status Jingga daripada status Kuning** setelah merekodkan sejumlah 21 kes jangkitan tempatan dalam tempoh 14 hari yang lepas pada hari ini. Jumlah daerah berstatus Jingga sebanyak tiga (3) daerah.

Manakala, sembilan (9) daerah kekal berstatus Kuning dan satu (1) daerah kekal berstatus Hijau.

### **3. LAPORAN NOTIS KOMPAUN**

Pihak PDRM telah mengeluarkan sebanyak **35 kompaun** di daerah Kuching (22), Miri (8), Bintulu (5) kerana telah melanggar SOP seperti berikut:

- i. Tiada penjarakan fizikal (17)
- ii. Membuka gym dalam tempoh PKPB (12)
- iii. Dine-in di dalam premis (3)
- iv. Berada di luar selepas 8.00 malam (2)
- v. Masuk dalam kawasan PKPD (1)

Ini menjadikan jumlah keseluruhan kompaun yang telah dikeluarkan sejak 18 Mac 2020 hingga hari ini sebanyak **6,839 kompaun**.

Manakala, pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak pula telah mengeluarkan **20 kompaun** di bawah seliaan MBKS (8), MD Serian (3), BDA (3), MD Lawas (2), MD Lubok Antu (2), MD Bau (1) dan MP Kota Samarahan (1) atas kesalahan pelanggaran SOP seperti berikut:



- i. Tidak mengimbas MySejahtera (9)
- ii. Tidak mengemaskini buku daftar/buku daftar tidak lengkap (7)
- iii. Tidak menggunakan pelitup muka (4)

Ini menjadikan jumlah keseluruhan kompaun yang telah dikeluarkan oleh PBT sejak 01 Februari 2021 hingga hari ini adalah sebanyak **755 kompaun.**

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives  
Jaga Sarawak, Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT  
JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK  
27 MEI 2021  
5.00 PETANG**

**MAKLUMAT TAMBAHAN**

**1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK**

Previous Cumm. Positive Cases	<b>43,966</b>	ACTIVE CASES (Total Cases still in ward and under medical supervision)	<b>7,572</b>	<b>16.93%</b>	
New Cases	<b>772</b>	Cases in Intensive Care Unit (ICU)	<b>81</b>	<b>0.18%</b>	
Total Samples by Individu	<b>841,128</b>	Intubated Cases	<b>31</b>	<b>0.07%</b>	
Cumm. Positive Cases	<b>44,738</b>	Total COVID-19 Death Cases	<b>272</b>	<b>0.61%</b>	
IR per 100,000 population	<b>1,450.23</b>	Total Non-COVID-19 Death Cases	<b>93</b>	<b>0.21%</b>	
Lab. Results (PUI)	New	Cummulative	Recovered and discharged cases	<b>36,795</b>	<b>82.25%</b>
Negative	<b>0</b>	<b>13,197</b>	Patient Under Investigation (PUI)	New	Cummulative
PUI Pending Result	<b>0</b>	<b>0</b>		<b>772</b>	<b>57,935</b>

Current Status	SGH Kuching	Hospital & PKRC Sibul	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Limbang	Hospital Sarikei	Hospital & PKRC Kapit	PKRC Betong	PKRC Mukah	PKRC Serian	PKRC Lawas	PKRC DI Semuja	Hospital Sri Aman	PKRC Penjara Sri Aman	PKRC Sipitang, Sabah	Hospital Sungai Buloh	TOTAL
ACTIVE CASES (Total Cases still in ward and under medical supervision)	1,378	1,374	1,431	1,375	7	316	865	215	285	146	28	0	152	0	0	0	7,572
Kes di Intensive Care Unit (ICU)	15	31	11	8	0	4	12	0	0	0	0	0	0	0	0	0	81
Intubated cases	7	16	3	3	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	31
Total COVID-19 Death Cases	31	119	46	30	0	20	21	2	2	1	0	0	0	0	0	0	272
Total Non-COVID-19 Death Cases	15	27	15	16	0	3	11	4	0	0	0	2	0	0	0	0	93
Recovered and discharged cases	New	68	96	20	77	0	16	12	15	12	1	0	14	0	0	0	343
	Cummulative	5,388	10,835	5,547	5,411	60	2,540	3,010	925	1,141	690	14	426	458	346	1	3
Total re-admission cases (Re-tested Positive)	9	9	3	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	22
TOTAL NOT ADMITTED	3	4	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	8
TOTAL ADMISSION (Individu)	6,808	12,346	7,034	6,835	67	2,884	3,911	1,148	1,429	837	42	429	610	346	1	3	44,730

DAERAH MERAH (27)														
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian Bukan COVID-19		Kematian COVID-19		Jumlah kes yang masih dalam rawatan dan pengawasan perubatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Beluru	25	517	25	568	0	507	0	1	0	2	58	52	52
2	Asajaya	13	137	13	105	2	43	0	0	0	0	60	62	46
3	Tanjung Manis	8	141	8	120	6	71	0	0	0	2	47	55	55
4	Tatau	12	230	12	233	2	135	0	1	0	0	97	98	96
5	Julau	0	535	0	548	3	477	0	0	0	4	67	62	62
6	Bukit Mabong	11	570	11	701	0	550	0	0	0	1	150	142	140
7	Betong	16	876	16	704	2	593	0	4	0	1	106	115	114
8	Pusa	0	217	0	211	7	163	0	0	0	0	48	109	104
9	Belaga	6	343	6	346	0	58	0	1	0	0	287	206	201
10	Sebauh	1	269	1	307	1	251	0	1	0	1	54	60	57
11	Sri Aman	23	1042	23	989	14	837	0	0	0	1	151	216	150
12	Pakan	15	472	15	494	3	407	0	2	0	7	78	148	147
13	Song	1	592	1	662	1	615	0	1	0	3	43	64	60
14	Kanowit	17	999	17	1159	18	986	0	2	1	7	164	176	174
15	Selangau	14	941	14	1067	22	805	0	1	1	7	254	306	305
16	Saratok	2	306	2	309	5	261	0	1	0	4	43	53	51
17	Subis	52	788	52	844	2	702	0	0	0	2	140	135	133
18	Mukah	33	1,210	33	1186	8	959	0	0	0	3	224	246	228
19	Sarikei	4	815	4	707	9	651	0	1	0	7	48	135	123
20	Samarahan	7	1,567	7	970	4	742	0	1	0	7	220	225	190
21	Serian	18	1,488	18	1281	10	1,126	0	4	0	1	150	143	128
22	Meradong	2	781	2	1176	1	1,047	0	2	0	8	119	58	53
23	Kuching	229	15,105	229	4,926	58	3,903	1	10	0	19	994	1157	1086
24	Kapit	9	2,677	9	2,469	11	1,876	0	11	1	20	562	460	454
25	Bintulu	67	6,946	67	6,170	17	5,022	0	9	1	40	1,099	807	756
26	Miri	82	6,159	82	5,316	75	4,104	0	14	2	28	1,170	1,391	1,301
27	Sibu	70	9,916	70	9,728	54	8,663	0	21	3	93	947	1,114	1,055
<b>Jumlah</b>		<b>737</b>	<b>55,639</b>	<b>737</b>	<b>43,296</b>	<b>335</b>	<b>35,554</b>	<b>1</b>	<b>88</b>	<b>9</b>	<b>268</b>	<b>7,380</b>	<b>7,795</b>	<b>7,321</b>

DAERAH JINGGA (3)														
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian Bukan COVID-19		Kematian COVID-19		Jumlah kes yang masih dalam rawatan dan pengawasan perubatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Daro	3	108	3	46	0	29	0	1	0	0	16	23	25
2	Simunjan	0	85	0	39	0	17	0	0	0	1	21	21	21
3	Bau	8	478	8	277	2	241	0	1	0	1	34	50	34
<b>Jumlah</b>		<b>11</b>	<b>671</b>	<b>11</b>	<b>362</b>	<b>2</b>	<b>287</b>	<b>0</b>	<b>2</b>	<b>0</b>	<b>2</b>	<b>71</b>	<b>94</b>	<b>80</b>

DAERAH KUNING (9)														
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian Bukan COVID-19		Kematian COVID-19		Jumlah kes yang masih dalam rawatan dan pengawasan perubatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Tebedu	0	125	0	125	2	120	0	0	0	0	5	33	8
2	Limbang	0	111	0	77	0	68	0	1	0	1	7	3	1
3	Kabong	15	46	15	51	1	33	0	0	0	0	18	19	19
4	Matu	1	229	1	150	0	147	0	1	0	0	2	5	3
5	Marudi	0	85	0	74	0	69	0	0	0	0	5	4	4
6	Lundu	2	461	2	203	2	161	0	0	0	0	42	11	6
7	Lawas	2	80	2	61	1	34	0	0	0	0	27	29	20
8	Dalat	4	398	4	273	0	264	0	1	0	1	7	8	8
9	Lubok Antu	0	85	0	59	0	51	0	0	0	0	8	11	11
<b>Jumlah</b>		<b>24</b>	<b>1,620</b>	<b>24</b>	<b>1,073</b>	<b>6</b>	<b>947</b>	<b>0</b>	<b>3</b>	<b>0</b>	<b>2</b>	<b>121</b>	<b>123</b>	<b>80</b>

DAERAH HIJAU (1)														
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian Bukan COVID-19		Kematian COVID-19		Jumlah kes yang masih dalam rawatan dan pengawasan perubatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Telang Usan	0	5	0	7	0	7	0	0	0	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>0</b>	<b>5</b>	<b>0</b>	<b>7</b>	<b>0</b>	<b>7</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>

<b>Jumlah Besar</b>	<b>772</b>	<b>57,935</b>	<b>772</b>	<b>44,738</b>	<b>343</b>	<b>36,795</b>	<b>1</b>	<b>93</b>	<b>9</b>	<b>272</b>	<b>7,572</b>	<b>8,012</b>	<b>7,481</b>
---------------------	------------	---------------	------------	---------------	------------	---------------	----------	-----------	----------	------------	--------------	--------------	--------------

## A. Pecahan Kes Baharu Mengikut Daerah

RINGKASAN BILANGAN KES MENGIKUT KATEGORI PENGESANAN

Daerah	Bilangan Kes Baharu	Kategori Kes Mengikut Pengesanan									Bilangan Kes Bergejala
		Kluster aktif sedia ada (Senarai kluster dengan kes baharu)	Saringan Kontak kepada kes positif	Saringan Individu Bergejala	Survelan di fasiliti kesihatan	Lain-lain Saringan	Punca Jangkitan				
							Tempatan	Import A	Import B	Import C	
Kuching	229	0	135	0	0	94	229	0	0	0	0
Miri	82	0	68	7	0	7	82	0	0	0	7
Sibu	70	Tanjong Kibong=2	38	14	0	16	67	0	1	2	14
Bintulu	67	0	57	5	0	5	67	0	0	0	6
Subis	52	0	49	1	0	2	52	0	0	0	1
Mukah	33	0	33	0	0	0	33	0	0	0	0
Beluru	25	0	25	0	0	0	25	0	0	0	0
Sri Aman	23	Sebukok=8	15	0	0	0	23	0	0	0	0
Serian	18	Tebakang=1	13	1	0	3	18	0	0	0	1
Kanowit	17	Sungai Ngungun=1	16	0	0	0	17	0	0	0	0
Betong	16	Hulu Spaoh=7, Jelang=2	7	0	0	0	16	0	0	0	0
Kabong	15	0	15	0	0	0	15	0	0	0	0
Pakan	15	0	15	0	0	0	15	0	0	0	0
Selangau	14	Emperan=2	12	0	0	0	14	0	0	0	0
Asajaya	13	0	12	1	0	0	6	0	0	7	1
Tatau	12	0	12	0	0	0	12	0	0	0	2
Bukit Mabong	11	Jalan Selirik=5	6	0	0	0	11	0	0	0	0
Kapit	9	0	2	3	0	4	9	0	0	0	6
Tanjung Manis	8	Selumit=8	0	0	0	0	8	0	0	0	0
Bau	8	0	1	7	0	0	8	0	0	0	7
Samarahan	7	0	7	0	0	0	2	0	0	5	0
Belaga	6	0	6	0	0	0	6	0	0	0	0
Dalat	4	0	4	0	0	0	4	0	0	0	0
Sarikei	4	0	2	2	0	0	2	0	0	2	2
Daro	3	0	3	0	0	0	3	0	0	0	0
Lawas	2	0	2	0	0	0	2	0	0	0	2
Lundu	2	0	0	2	0	0	2	0	0	0	2
Saratok	2	0	0	2	0	0	2	0	0	0	2
Meradong	2	0	0	2	0	0	2	0	0	0	2
Sebauh	1	0	1	0	0	0	1	0	0	0	0
Song	1	0	1	0	0	0	1	0	0	0	0
Matu	1	0	1	0	0	0	1	0	0	0	0
<b>JUMLAH</b>	<b>772</b>	<b>36</b>	<b>558</b>	<b>47</b>	<b>0</b>	<b>131</b>	<b>755</b>	<b>0</b>	<b>1</b>	<b>16</b>	<b>55</b>

## B. Kluster Yang Masih Aktif

Bil.	Nama Kluster	Bil. Kes Baharu	Kumulatif Kes	Jumlah Individu Masih menunggu Keputusan Ujian Saringan	Jumlah Individu Negatif Ujian rT-PCR	Jumlah Individu Disaring	Bilangan Kes Aktif	Bilangan Kematian
1	Kluster Sungai Kawi, Meradong	0	239	0	733	972	46	0
2	Kluster Sungai Gemuan, Meradong	0	91	68	736	895	4	2
3	Kluster Jalan Bambangan, Mukah	0	274	4	1,461	1,739	3	0
4	Kluster Abak Bon, Subis	0	231	0	229	460	4	1
5	Kluster Jalan Disa, Sibu	0	137	0	199	336	12	0
6	Kluster Jalan Ding Lik Kwong, Sibu	0	33	0	27	60	3	1
7	Kluster Ulu Balingian, Selangau	0	106	0	96	202	0	0
8	Kluster Tarat Tani, Serian	0	51	0	551	602	0	0
9	Kluster Sungai Banus, Selangau	0	47	0	10	57	0	0
10	Kluster Sungai Passin, Matu	0	63	0	393	456	0	0
11	Kluster Sungai Duan, Mukah	0	313	0	337	650	31	1
12	Kluster Sungai Rian, Meradong	0	63	56	191	310	2	0
13	Kluster Kampung Tengah Betong, Betong	0	24	0	361	385	1	0
14	Kluster Sungai Lemayong, Meradong	0	83	68	228	379	13	0
15	Kluster Duranda Emas, Serian	0	66	0	759	825	2	0
16	Kluster Blok D Jalan Pending, Kuching	0	54	25	500	579	0	0
17	Kluster Jalan Roban Lama, Saratok	0	79	0	219	298	3	0
18	Kluster Jalan Selirik, Kapit	5	289	0	111	400	193	1
19	Kluster Putai, Bukit Mabong	0	427	0	1,188	1,615	54	0
20	Kluster Rayang, Serian	0	95	0	1,253	1,348	2	0
21	Kluster Sungai Senibung, Julau	0	20	0	273	293	0	0
22	Kluster Pondok, Belaga	0	10	0	241	255	0	0
23	Kluster Jalan Sebauh-Bintulu, Sebauh	0	95	0	835	930	7	0
24	Kluster Sungai Ngungun, Kanowit	1	49	0	36	85	1	0
25	Kluster Sungai Tuah, Kanowit	0	39	0	52	91	0	0
26	Kluster Ulu Strass, Meradong	0	28	0	41	69	2	1
27	Kluster Melugu, Sri Aman	0	118	9	455	582	14	0
28	Kluster Tabuan Jaya, Kuching	0	24	0	229	253	2	0
29	Kluster Taman Pelita, Kuching	0	12	0	70	82	3	0
30	Kluster Durin, Bau	0	9	0	87	96	0	0

Kenyataan Media JPBN Bil 147/2021

Bil.	Nama Kluster	Bil. Kes Baharu	Kumulatif Kes	Jumlah Individu Masih menunggu Keputusan Ujian Saringan	Jumlah Individu Negatif Ujian rT-PCR	Jumlah Individu Disaring	Bilangan Kes Aktif	Bilangan Kematian
31	Kluster Sileng Dayak, Lundu	0	100	0	1,640	1,740	32	0
32	Kluster Sains Bakam, Miri	0	28	0	436	464	0	0
33	Kluster Jalan Agama, Miri	0	157	153	570	880	15	0
34	Kluster Sungai Ranan, Kanowit	0	120	0	109	229	2	0
35	Kluster Nanga Tajam, Selangau	0	69	0	70	139	3	0
36	Kluster Long Jegan, Beluru	0	94	0	100	194	13	0
37	Kluster Sungai Mas, Sebauh	0	53	77	100	230	2	0
38	Kluster Batu 25, Bintulu	0	98	0	101	199	4	1
39	Kluster Sungai Nirai, Selangau	0	55	0	25	80	1	1
40	Kluster Sungai Tengah, Bau	0	50	0	132	182	1	0
41	Kluster Sungai Sebemban, Bintulu	0	21	0	38	59	0	0
42	Kluster Sebuajok, Sri Aman	8	92	8	120	220	16	0
43	Kluster Mongkos, Tebedu	0	56	0	47	103	0	0
44	Kluster Bungey, Betong	0	40	7	450	497	2	0
45	Kluster Tanjong Kibong, Sibu	2	78	0	37	115	9	0
46	Kluster Jalan Sawit, Sarikei	0	71	0	151	222	5	0
47	Kluster Beladin, Pusa	0	191	453	3,350	3,994	50	0
48	Kluster Jalan Limbang, Miri	0	154	19	370	543	21	1
49	Kluster Penurin, Betong	0	31	0	160	191	1	0
50	Kluster Tebedu Mawang, Tebedu	0	50	0	86	136	5	0
51	Kluster Jelalong, Sebauh	0	22	0	176	198	2	0
52	Kluster Jalan Stadium Negeri, Kuching	0	64	6	180	250	11	0
53	Kluster Ulu Anap, Tatau	0	19	0	106	125	2	0
54	Kluster Emperan, Selangau	2	194	0	339	533	77	1
55	Kluster Bako Hilir, Kuching	0	20	0	42	62	0	0
56	Kluster Nanga Skrang, Sri Aman	0	37	0	29	66	10	0
57	Kluster Skim Penempatan Stapok, Kuching	0	32	25	60	117	3	0
58	Kluster Asia Villa, Kuching	0	15	8	60	83	1	0
59	Kluster Jalan Rubber, Kuching	0	13	0	143	156	3	0
60	Kluster Konsortium Bumi, Kuching	0	8	0	76	84	1	0

Kenyataan Media JPBN Bil 147/2021

Bil.	Nama Kluster	Bil. Kes Baharu	Kumulatif Kes	Jumlah Individu Masih menunggu Keputusan Ujian Saringan	Jumlah Individu Negatif Ujian rT-PCR	Jumlah Individu Disaring	Bilangan Kes Aktif	Bilangan Kematian
61	Kluster Kemas, Kuching	0	10	0	60	70	0	0
62	Kluster Singgahsana Lodge, Kuching	0	14	0	52	66	0	0
63	Kluster Jalan Lilin, Miri	0	58	12	192	262	18	0
64	Kluster Sungai Rayah, Meradong	0	13	0	37	50	0	0
65	Kluster Kampung Boyan, Kuching	0	37	0	50	87	15	0
66	Kluster Jalan Sultan Tengah, Kuching	0	6	0	21	27	0	0
67	Kluster Stunggang, Lundu	0	10	0	126	136	1	0
68	Kluster Jalan Jambusan, Bau	0	19	5	26	50	0	0
69	Kluster Jelang, Betong	2	25	1	119	145	21	0
70	Kluster Hulu Spaoh, Betong	7	74	105	650	829	57	0
71	Kluster Jalan Endap Sawit, Samarahan	0	36	2	10	48	30	0
72	Kluster Kenyalang Park, Kuching	0	35	0	38	73	17	0
73	Kluster Tebakang, Serian	1	28	3	54	85	13	0
74	Kluster Jalan Simpang Tiga, Kuching	0	45	14	30	89	35	0
75	Kluster Taman Sourabaya Indah, Kuching	0	9	3	22	34	7	0
76	Kluster Jalan Jambatan Gantung, Kuching	0	9	1	15	25	7	0
77	Kluster Sungai Majau, Kanowit	0	26	1	24	51	23	0
78	Kluster Bukit Temedak, Pakan	0	31	9	48	88	22	0
79	Kluster Selumit, Tanjung Manis	8	19	39	33	91	19	0
80	Kluster Jalan Dato Permaisuri, Miri	0	33	20	123	176	23	0
81	Kluster Kampung Semerah Padi, Kuching	0	21	0	82	103	16	0
82	Kluster Jalan Sukma, Kuching	0	10	65	3	78	10	0
83	Kluster Akedemi Semariang, Kuching	0	15	40	15	70	14	0
84	Kluster Lubok Nitik, Saratok	0	15	132	0	147	11	0
85	Kluster Tanjung Bundong, Samarahan	0	22	0	19	41	22	0
<b>JUMLAH</b>		<b>36</b>	<b>5,821</b>	<b>1,438</b>	<b>23,053</b>	<b>30,316</b>	<b>1,075</b>	<b>11</b>



## 2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **387** *Person Under Surveillance* (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **107 buah hotel dan SC Bukan Hotel** adalah seramai **5,794 orang**. Manakala seramai **108,264 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 27.05.2021 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	<b>Kuching (1,725)</b>	Hock Lee	85
2		Grand Dormani	31
3		Kuching Park	83
4		Pullman	243
5		Hilton	152
6		Harbour View	108
7		Riverside (Astana Wing)	158
8		Grand Margherita	130
9		Imperial Boulevard	185
10		Tune Hotel	42
11		Dormani Hotel	33
12		Grand Continental	96
13		Meritin	32
14		Longhouse	60
15		Abell	49
16		Lot 10	31
17		Telang Usan	36
18		Imperial Riverbank	47
19		Kingwood	55
20		G Star Motel	29
21		Dorset	40
22	<b>Miri (683)</b>	Mega Hotel	66
23		Somerset	70
24		Imperial Palace	145
25		Imperial New Wing	173
26		Paragon	12
27		Meritz	43
28		Miri	19
29		Dynasty	83
30		Kenyalang Suite	6
31		Citi Hotel	20

32		Nova	15
33		Emart Hotel	31
34	<b>Bintulu (2,321)</b>	Utama Inn	19
35		Fairfield by Marriot	170
36		Motel Kapok	100
37		Faber Inn	47
38		AA Inn	23
39		Ambassador	76
40		Kemena Inn	14
41		Green	53
42		Kemena Plaza	145
43		4orty Inn	20
44		Lengkap Inn	69
45		Studio Inn	50
46		Moonstar Inn	18
47		Parkcity Garden	37
48		Kriss Lodge	83
49		Centre Inn	19
50		Welcome Inn	14
51		Parkcity Garden 2	111
52		Lucky 5 Inn	20
53		900 Inn	12
54		New World Suite	75
55		Golden Bay	14
56		Kemena Resort	262
57		Inn 86	26
58		Sunlight Inn	9
59		Hover Hotel	42
60		Royal Hotel	33
61		Ocean Inn	22
62		Best Lodge	17
63		H5 Inn	50
64		DK Value Inn	28
65		Li Hua	45
66		Grand Faber Inn	32
67		JC Mark Hotel	12
68		186 Inn	27
69		Riverfront	67
70		682 Inn	17
71		Sir Inn	38
72		Kintown Inn	70

73		@Thome Inn	44
74		Kemena Residence	33
75		Amigo Hotel	58
76		Living Hotel	3
77		City Inn	18
78		The Inn	79
79		Velton Inn	24
80		Dream World inn	18
81		IKM Bintulu	0
82		Raggae Inn	36
83		Public Inn	22
84	<b>Limbang (361)</b>	Purnama	112
85		Mandarin (Lawas)	35
86		Shangsan (Lawas)	76
87		Seri Malaysia (Lawas)	138
88	<b>Sibu (141)</b>	Premier	33
89		Kawan	84
90		Sarawak	14
91		Tower Mas	10
92	<b>Samarahan (155)</b>	INFRA	84
93		Kolej Rafflesia, UNIMAS	64
94		UiTM Samarahan	7
95	<b>Sarikei (115)</b>	Garden Hotel	41
96		Dragon	74
97	<b>Betong (124)</b>	Mega Inn	23
98		Medan Inn	17
99		Victoria Inn	33
100		Asia Inn	26
101		Homestay Betong	18
102		Victoria Inn 2	17
103		Lot 10 Medan	0
104	<b>Serian (47)</b>	Transit Inn	45
105		Ranchan	2
106	<b>Mukah (100)</b>	Kingwood	100
107	<b>Sri Aman (22)</b>	Good View	22
<b>Jumlah PUS</b>			<b>5,794</b>

**3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)**

Hari ini, sebanyak **26 lokasi di Sarikei (7), Sibü (6), Kuching (4), Miri (4), Serian (2), Mukah (2) dan Sri Aman (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **4,693 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 27.05.2021 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>OPERASI SEMASA</b>	<b>OPERASI TERKUMPUL</b>
<b>1</b>	<b>Kuching</b>	<b>4</b>	<b>1,147</b>
<b>2</b>	<b>Miri</b>	<b>4</b>	<b>921</b>
<b>3</b>	<b>Sarikei</b>	<b>7</b>	<b>537</b>
<b>4</b>	<b>Sibü</b>	<b>6</b>	<b>521</b>
5	Samarahan	TIADA	283
6	Kapit	TIADA	275
7	Bintulu	TIADA	224
<b>8</b>	<b>Serian</b>	<b>2</b>	<b>211</b>
9	Limbang	TIADA	191
10	Betong	TIADA	154
<b>11</b>	<b>Mukah</b>	<b>2</b>	<b>145</b>
<b>12</b>	<b>Sri Aman</b>	<b>1</b>	<b>84</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>4,693</b>

#### **4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK**

Hari ini, sebanyak **53 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 27.05.2021 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	MP Padawan	4
2	MD Serian	3
3	MP Sibu	10
4	MCC	26
5	MD Marudi	3
6	MD Lawas	7
<b>Jumlah</b>		<b>53</b>

## 5. LOKASI DAN MASA KES POSITIF DILAPORKAN

(Data sehingga 27.05.2021 @ 3.00 petang)

### DAERAH KUCHING

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
Nor Haijah Enterprise	Workplace	10 - 22.05.2021	N/R
Tealive, Vivacity	Workplace	14 - 22.05.2021	N/R
Eyesight Optic, Mydin Petrajaya	Workplace	15 - 22.05.2021	N/R
Smart Reader Kid, Chong Hin Garden	Workplace	17 - 19.05.2021	N/R
Infinova Sdn Bhd, Matang Jaya	Workplace	17 - 21.05.2021	N/R
Kubah National Park	Workplace	18 - 24.05.2021	N/R
Dewan Bandaraya Kuching Utara, Bukit Siol	Workplace	19, 20 & 24.05.2021	N/R
The HandPick	Workplace	20 - 22.05.2021	N/R
Qaseh Sumayyah Cafe	Workplace	20.05.2021	N/R
Emart Matang	Social Activity - Customer	17.05.2021	7.40 pm - 9.05 pm
Level Up Fitness, BDC	Social Activity - Customer	19.05.2021	7.17 pm - 8.20 pm
Maybank, Matang	Social Activity - Customer	19.05.2021	10.30 am - 11.10 am
The Culvert	Social Activity - Customer	19.05.2021	10.00 am - 6.00 pm
Warung Mee Kolok Bedah	Social Activity - Customer	19.05.2021	6.00 pm - 7.30 pm
KWSP	Social Activity - Customer	20.05.2021	11.00 am - 11.30 pm
Level Up Fitness, Icom Square	Social Activity - Customer	20.05.2021	6.50 pm - 7.50 pm
	Social Activity - Customer	21.05.2021	6.30 pm - 7.30 pm
Level Up Fitness, Aeon Mall	Social Activity - Customer	22.05.2021	10.50 am - 11.50 am
Plaza Merdeka	Social Activity - Customer	22.05.2021	1.00 pm - 2.00 pm
Masjid Darul Ibadah, Kampung Semariang	Religious Activity	22 - 25.05.2021	N/R
Satex, Metrocity	Social Activity - Customer	24.05.2021	1.30 pm - 2.00 pm

## DAERAH SAMARAHAN

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
Evergrow Furniture, Aiman Mall	Workplace	16 - 21.05.2021	9.00 am - 7.00 pm
Sekolah Rendah Integrasi Teras Islam (Srti), Desa Ilmu	Workplace	17 - 19.05.2021	8.00 am - 1.00 pm
HI Retail Sdn Bhd, Aiman Mall	Social Activity - Customer	19.05.2021	11.07 am
One Hundred Eighty C Loaf	Social Activity - Customer	19.05.2021	10.08 am
Golden Dragon City Enterprise Sdn Bhd Samarahan	Social Activity - Customer	20.05.2021	8.48 pm
Unaco Marketing Sdn Bhd, Aiman Shophouse	Social Activity - Customer	20.05.2021	1.15 pm
Myeg Services Berhad Kota Samarahan, Desa Ilmu	Social Activity - Customer	22.05.2021	9.22 am
Ninso Global Sdn Bhd Samarahan	Social Activity - Customer	22.05.2021	12.29 pm
Taka Cake House, Aiman Shophouse	Social Activity - Customer	22.05.2021	12.42 pm

## DAERAH SIMUNJAN

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
Masjid Kampung Kelka	Religious Activity	13 - 19.05.2021	6.30 pm - 8.30 pm
Masjid Kampung Tanjung Harapan	Religious Activity	20.05.2021	6.30 pm - 8.30 pm

## DAERAH SERIAN

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
H.C.T Fair Price Siburan	Social Activity - Customer	15.05.2021	2.28 pm - 2.33 pm
Sin Kit Hin Siburan	Social Activity - Customer	15.05.2021	2.41 pm - 2.56 pm

## DAERAH SRI AMAN

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
Chun Jun Sdn Bhd (Tapak Pembinaan Jambatan Batang Lupar)	Workplace	12.05.2021	9.00 am - 5.00 pm
Pejabat Daerah Sri Aman	Workplace	17.05.2021	9.00 am - 5.00 pm
Golden Food Court	Eatery	10.05.2021	10.00 am - 10.30 am
Doremart	Social Activity - Customer	17.05.2021	2.00 pm - 2.30 pm

**DAERAH SIBU**

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
Daboba Sibu	Social Activity - Customer	16.05.2021	4.13 pm - 4.30 pm
Unicity Foodcourt	Eatery	18.05.2021	12.10 pm - 12.25 pm
		20.05.2021	12.11 pm - 12.20 pm
Ahhmo Mee Sapi Nasi Ayam Restoran	Eatery	19.05.2021	12.09 pm - 12.20 pm
PMG Pharmacy Sdn Bhd	Social Activity - Customer	22.05.2021	10.44 am - 10.55 am
Sarawak House Sdn Bhd- Premier Departmental Store	Social Activity - Customer	22.05.2021	4.54 pm - 5.30 pm
Fair Price Teku	Social Activity - Customer	23.05.2021	11.37 am - 11.50 am
MDS Mart Sdn Bhd	Social Activity - Customer	23.05.2021	11.13 am - 11.30 am
Nasi Ulam Sibu	Eatery	24.05.2021	10.54 am - 11.05 am
Hao Ke Lai Café & Restaurant	Eatery	25.05.2021	7.14 am - 7.30 am

**DAERAH KAPIT**

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
IMART Supermarket	Social Activity - Customer	17.05.2021	3.00 pm - 4.00 pm



## DAERAH BINTULU

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
Chan Furniture	Social Activity - Customer	11.05.2021	2.00 pm - 2.20 pm
Emart Bintulu	Social Activity - Customer	11.05.2021	2.40 pm - 3.00 pm
Sing Kwong Supermarket	Social Activity - Customer	11.05.2021	3.00 pm - 3.20 pm
Supersave Medan Jaya	Social Activity - Customer	12.05.2021	10.00 am - 10.30 am
SK Hardware	Social Activity - Customer	12.05.2021	10.45 am - 11.10 am
Food Court Medanjaya	Social Activity - Customer	12.05.2021	11.30 am - 11.45 am
MDS Mart	Social Activity - Customer	12.05.2021	12.30 pm - 12.55 pm
Mr DIY Medan Mall	Social Activity - Customer	12.05.2021	4.00 pm - 4.30 pm
New World Mart Bintulu	Social Activity - Customer	14.05.2021	6.30 pm - 6.50 pm
Farley Mini Market	Social Activity - Customer	18.05.2021	5.00 pm - 5.20 pm
CC Fresh Wholesale	Social Activity - Customer	20.05.2021	10.00 am - 10.15 am
MDS Kemena	Social Activity - Customer	23.05.2021	11.30 am - 11.45 am
Pasar Ikan Sebiew	Social Activity - Customer	23.05.2021	3.20 pm - 3.40 pm

## DAERAH MIRI

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
Tiang's Orthopedist Chinese Physician, Jalan Jurinea	Social Activity - Customer	14.05.2021	1.40 pm - 1.55 pm
Hiap Ho Cycle Works, Jalan Dato Sri Joseph Balan Seling	Social Activity - Customer	15.05.2021	2.20 pm - 2.35 pm
Nimanja, Jalan Miri - Pujut	Social Activity - Customer	15.05.2021	2.30 pm - 2.40 pm
Watsons, Emart Tudan	Social Activity - Customer	15.05.2021	3.25 pm - 3.40 pm
Subway Al Bayt Square, Jalan Miri Pujut	Eatery	16.05.2021	6.20 pm - 6.35 pm
Shun Min Car Wash Services Centre, Jalan Pasar Lutong	Social Activity - Customer	18.05.2021	3.50 pm - 4.05 pm
Xing Kwang Wheels & Tyres Services Sdn Bhd, Jalan Sehati	Social Activity - Customer	18.05.2021	12.10 pm - 12.25 pm
Felancy, Permaisuri Imperial City Mall	Social Activity - Customer	19.05.2021	11.20 am - 11.35 am
Liang Sandwich Bar, Permaisuri Imperial City Mall	Eatery	19.05.2021	11.50 am - 12.05 pm
J&L Salon, Jalan Krokop 2	Social Activity - Customer	21.05.2021	11.00 am - 11.15 am